



KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD

Bil. : (63)KPFB/A-01-01 Pt.7

Tarikh : 10 Julai 2014

Semua anggota yang dihargai,

Y.Bhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMBERITAHUAN:

- (A) PENGUATKUASAAN PERATURAN SISTEM GILIRAN (Q-SHARE);
- (B) ARAHAN BAYARAN LANGGANAN MODAL SYER MENGGUNAKAN CEK/DERAF BANK/WANG POS DAN;
- (C) LARANGAN MENDEPOSITKAN BAYARAN TERUS KE AKAUN MAYBANK KPF

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPF Yang Ke 33 pada 21 Jun 2014 yang diadakan di Dewan Bankuet, Menara FELDA, Kuala Lumpur telah meluluskan had modal syer anggota ditetapkan tidak melebihi RM2.5 bilion dengan mengekalkan kuota 80% modal syer hendaklah dimiliki oleh Kumpulan Peneroka manakala 20% dimiliki oleh Kumpulan Kakitangan.

2. Penetapan had modal syer ini bertujuan bagi membolehkan KPF secara konsisten membayar dividen tahunan kepada anggota-anggota di antara 10%-15% hasil daripada pulangan aktiviti pelaburan yang dijalankan.

3. Berikutan dengan keputusan tersebut KPF telah melaksanakan peraturan semua langganan pembelian syer daripada Kumpulan Kakitangan akan melalui *Sistem Giliran (Q-Share)*. Melalui sistem ini anggota daripada Kumpulan Kakitangan hanya boleh melanggan syer KPF selepas permohonan mereka diluluskan. Walau bagaimanapun *Sistem Giliran (Q-Share)* ini tidak dilaksanakan kepada permohonan anggota baru dengan langganan syer minimum sebanyak RM100.00.

4. Bagi mengelakkan langgan modal syer KPF melebihi had yang ditetapkan, KPF telah menguatkuasakan dengan serta merta peraturan supaya semua pembelian modal hendaklah dibayar menggunakan cek/deraf bank/wang pos sahaja dan anggota tidak dibenarkan menandatangani bayaran terus ke akaun Maybank KPF.

5. Sekian untuk makluman semua anggota yang dihargai dan sebarang kesulitan yang timbul amatlah dikesali.

Yang benar,
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD


(SAKINAH SALLEH)

Pemangku

Ketua Pegawai Eksekutif